



PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 23, KOMTAR
10990 Georgetown, Pulau Pinang
Tel : 04-650 5183 Faks : 04-2614399
<http://jkn.penang.gov.my>



Ruj Kami : JKNPP/(S)05/09/1 Jld.6 (دد)

Tarikh : 22 Disember 2025

1 Rejab 1447H

Semua Ketua Jabatan Negeri
Pulau Pinang

Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Pulau Pinang

Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Pulau Pinang

YB Dato Seri'/ YB Dato'/ Sahibus Samahah Prof Madya Dato' Dr./ Yang Amat Arif/
YBhg. Dato'/ YBhg. Datin/ YBrs Dr./ Tuan/ Puan,

**PINDAAN SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI (SPKN) BILANGAN 4
TAHUN 2019 –PENGECUALIAN SYARAT PENDAFTARAN SISTEM PEROLEHAN
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG (sysP)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Seperti YB Dato' Seri/ YB Dato'/ Sahibus Samahah Prof Madya Dato' Dr./ Yang Amat Arif/ YBhg. Dato'/ YBhg. Datin/ YBrs Dr./ Tuan/ Puan sedia maklum, Kerajaan Negeri telah menerima pakai keseluruhan Pekeliling Perbendaharaan dalam Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Surat Pekeliling Kewangan Negeri (SPKN) Bilangan 4 Tahun 2019 – Menerima Pakai Keseluruhan Pekeliling Perbendaharaan dalam Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

3. Peraturan semasa berdasarkan SPKN Bil. 4 Tahun 2019 menetapkan bahawa pembekal/kontraktor hendaklah berdaftar dengan sistem sysP sebelum dibenarkan menyertai perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sama ada secara pembelian terus, lantikan terus, sebut harga, tender atau rundingan terus bagi perolehan bekalan, perkhidmatan atau kerja termasuk bagi tender kerja yang disertai oleh beberapa syarikat tempatan secara usaha sama.

4. Jabatan Kewangan Negeri (JKN) melalui surat edaran dengan No Rujukan: JKNPP/(S)/10/01/5 Jld 13 (13) bertarikh 30 Oktober 2023 telah menetapkan bahawa semua pembekal/kontraktor hendaklah berdaftar dengan Sistem Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (sysP) sebelum dibenarkan menyertai sebarang perolehan di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Berkaitannya, Sijil Pendaftaran sysP telah dijadikan sebagai salah satu senarai semak pematuhan bagi urusan perolehan di semua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri.

5. Walau bagaimanapun, jabatan ini telah melaksanakan penelitian semula dan memberi pengecualian syarat pendaftaran dengan sysP kepada syarikat penyedia perkhidmatan atau pembekal seperti berikut:

Bil	Kategori Penyedia Perkhidmatan/Pembekal
1.	Penganjur Latihan / Kursus / Bengkel / Taklimat / Seminar – melibatkan penyertaan pegawai Kerajaan Negeri dalam program latihan yang dianjurkan oleh pihak luar, di mana jabatan bertindak sebagai peserta dan bukan sebagai penganjur.
2.	Penyedia Penginapan di Luar Negeri Pulau Pinang – termasuk hotel dan tempat penginapan yang digunakan bagi urusan rasmi, mesyuarat, lawatan kerja atau latihan yang dilaksanakan di luar Negeri Pulau Pinang.
3.	Entiti Bukan Perniagaan – merangkumi agensi Kerajaan atau organisasi yang tidak menjalankan aktiviti perniagaan. Contoh: Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Pusat Kejuruteraan Topika (GEOTROPIK), Jabatan Penjara Malaysia, Tabung Kebajikan Rejimen Kem 6 Briged dan seumpamanya.

6. Selaras dengan itu, jabatan tidak lagi perlu mengemukakan permohonan kelulusan pengecualian khas kepada JKN setiap kali ingin berurusan dengan syarikat penyedia perkhidmatan atau pembekal dalam kategori tersebut. Namun, syarikat penyedia perkhidmatan atau pembekal di luar Negeri Pulau Pinang yang berminat untuk melaksanakan perolehan secara berulang atau dalam skop yang lebih luas kepada Kerajaan Negeri adalah digalakkan mendaftar secara sukarela dengan sysP.

7. Sehubungan itu, kerjasama YB Dato' Seri/ YB Dato'/ Sahibus Samahah Prof Madya Dato' Dr./ Yang Amat Arif/ YBhg. Dato'/ YBhg. Datin/ YBrs Dr./ Tuan/ Puan adalah dimohon untuk mengambil perhatian dan melaksanakan tindakan yang sewajarnya serta memaklumkan kepada semua pegawai dan kakitangan dibawah kawalan dan seliaan masing- masing.

8. Pindaan ini **berkuat kuasa mulai 1 Januari 2026.**


Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' ZABIDAH BINTI SAFAR)

Pegawai Kewangan Negeri

☎ : 04-6505183

✉ : zabidah@penang.gov.my

SENARAI EDARAN

YB Setiausaha Kerajaan
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Pulau Pinang
Tingkat 25, KOMTAR
10503 PULAU PINANG

Sahibus Samahah Mufti Kerajaan Negeri
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
Tingkat 48, KOMTAR
10000 PULAU PINANG

YAA Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Pulau Pinang
No. 3, Jalan Batu Gantung
10450 PULAU PINANG

Pengarah Tanah dan Galian
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Pulau Pinang
Paras 3, 21 dan 22, KOMTAR
10000 PULAU PINANG

Pengarah
PLANMalaysia@Pulau Pinang
Jabatan Perancang Bandar dan Desa
Tingkat 57, KOMTAR
10000 PULAU PINANG

Pengarah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam
Negeri Pulau Pinang
Lebuh Pantai
10300 PULAU PINANG

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah
Daerah Timur Laut
Tingkat 50 dan 51, KOMTAR
10000 PULAU PINANG

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah
Daerah Barat Daya
11000 Balik Pulau
PULAU PINANG

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah
Daerah Seberang Perai Tengah
No. 61, 63, 65, 67, 71 dan 73
Jalan Perda Utara
Bandar Perda
14200 Bukit Mertajam
PULAU PINANG

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah
Seberang Perai Selatan
14200 Sungai Jawi
PULAU PINANG

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah
Seberang Perai Utara
Peti Surat 1362
13200 Kepala Batas
PULAU PINANG

Pengarah
Jabatan Kerja Raya
Negeri Pulau Pinang
Jalan JKR, Sungai Pinang
11600 Georgetown
PULAU PINANG

Pengarah
Jabatan Pengairan dan Saliran
Negeri Pulau Pinang
Tingkat 55, KOMTAR
10000 PULAU PINANG

Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar
Negeri Pulau Pinang
Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam
PULAU PINANG

Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat
Negeri Pulau Pinang
Tingkat 35, KOMTAR
10564 PULAU PINANG

Setiausaha Sulit kepada
TYT Yang di-Pertua Negeri
Pejabat Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang
Seri Mutiara, Jalan Utama
10500 PULAU PINANG

Pengarah
Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang
Jalan Kulim, Cherok Tok Kun
14000 Bukit Mertajam
PULAU PINANG

Pengarah
Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 20, KOMTAR
10000 PULAU PINANG

Pengarah
Jabatan Taman Botani Pulau Pinang
Jalan Kebun Bunga
10350 PULAU PINANG

Ketua Pendakwa Syarie
Jabatan Pendakwaan Syariah Pulau Pinang
Tingkat 18, Menara JKP
128, Jalan Macalister
10400 PULAU PINANG

Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Pulau Pinang
Paras 17, KOMTAR
10675 PULAU PINANG

Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Seberang Perai
Jalan Perda Utama, Bandar Perda
14000 Bukit Mertajam
PULAU PINANG

Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang
No.1, Jalan Persiaran Mahsuri
Bandar Bayan Baru
11909 Bayan Lepas
PULAU PINANG

Pengurus Besar
Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang
Jalan Stesen Bukit Bendera
11500 Ayer Itam
PULAU PINANG

Pengarah
Lembaga Muzium dan Balai Senilukis
Pejabat Pentadbiran, Tingkat 3
Bilik Orkid, Dewan Sri Pinang
10200 Georgetown
PULAU PINANG

Pengarah
Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
JKR 2118, Jalan Perpustakaan
13700 Seberang Jaya
PULAU PINANG

Pengurus Besar
Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang
Tingkat 47, KOMTAR
10503 PULAU PINANG

Pengurus Besar
Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 20, KOMTAR
10503 PULAU PINANG

Pengarah Eksekutif
Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang
Stadium Negeri Batu Kawan
14100 Simpang Ampat
PULAU PINANG

Pengarah Eksekutif
Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang
Paras 30, KOMTAR
10000 PULAU PINANG

Pengurus Besar
George Town World Heritage Incorporated
116 & 118, Lebuh Aceh
10200 PULAU PINANG

Ketua Pegawai Eksekutif
Penang Women's Development Corporation
TG6 & TG7,
Level 47, KOMTAR,
10503 PULAU PINANG

Ketua Pegawai Eksekutif
Penang Global Tourism Sdn Bhd
No. 8-B (First Floor)
The Whiteaways Arcade
Lebuh Pantai, George Town
10300 PULAU PINANG

Ketua Pegawai Eksekutif
Penang Convention & Exhibition Bureau (PCEB)
No. 14A & 16A (First Floor) The Whiteaways Arcade
Lebuh Pantai, George Town
10300 PULAU PINANG

Pengurus Besar
Penang Green Council
PGC Strategies Sdn. Bhd.
Tingkat 46, KOMTAR
10503 PULAU PINANG

Pengurus Besar
Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC)
22, Whiteaways Arcade
Lebuh Pantai, Georgetown
10300 PULAU PINANG

Pengarah Eksekutif
Penang Institute
10, Jalan Brown
George Town
10350 PULAU PINANG

Pengurus Besar
Yayasan Islam Pulau Pinang
3.01, Menara Boustead Penang,
39, Jalan Sultan Ahmad Shah,
10050 PULAU PINANG

Pengurus Besar
PIHH Development Sdn Bhd
Tingkat 44, KOMTAR, George Town
10503 PULAU PINANG

